

03 JUN 1998

Ling-Monorel

KABINET LULUS PINJAMAN MUDAH RM300 JUTA BAGI PROJEK MONOREL

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Kabinet meluluskan pinjaman mudah RM300 juta kepada KL PRT Sdn Bhd bagi membolehkan syarikat itu meneruskan pembinaan projek monorel Kuala Lumpur, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Kabinet juga memutuskan untuk membenarkan kontraktor bagi projek bernilai RM2 bilion itu untuk melaksanakan tawaran awal permulaan (IPO) di bawah sektor infrastruktur projek untuk mengumpul modal tambahan, katanya.

Kerajaan membuat keputusan itu kira-kira sebulan lalu, katanya.

"Cadangan awal (pinjaman mudah) yang diluluskan Kabinet ialah RM300 juta," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Dr Ling berkata, beliau difahamkan bahawa projek itu disambung semula setelah tertangguh berikutan syarikat itu dilaporkan menghadapi masalah kecairan akibat kegawatan ekonomi sekarang.

Beliau berkata KL PRT telah menyerahkan cadangannya bagi IPO itu kepada Suruhanjaya Sekuriti.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pada 2 Mac lalu bahawa kerajaan akan mengkaji permohonan KL PRT untuk mendapatkan bantuan kewangan.

Dr Ling berkata syarikat itu juga merancang untuk menggunakan teknologi asing yang disesuaikan dengan keperluan tempatan dalam usaha untuk mengurangkan kos.

Monorel itu akan melalui beberapa jalan yang sibuk di Kuala Lumpur dan untuk melengkapkan rangkaian pengangkutan awam yang lain bagi Sukan Komanwel.

Mengenai perkara lain, Dr Ling berkata beliau akan mengkaji beberapa cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa khas yang menjalankan kaji selidik mengenai kemungkinan mengenakan hukuman penjara mandatori terhadap mereka yang sering melakukan kesalahan lalulintas.

Katanya, banyak idea bernas yang disarankan pada mesyuarat antara jawatankuasa yang diketuai Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan Datuk Chor Chee Heung dan badan lain yang berkaitan untuk dipertimbangkan oleh beliau.

"Saya akan mengkaji semua cadangan itu sebelum mengemukakannya kepada Kabinet untuk dilulus dan dibentangkan di Parlimen jika didapati perlu," katanya.

Hukuman penjara mandatori dicadangkan supaya dikenakan, antara lain terhadap samseng jalan raya, pelumba haram dan mereka yang mengambil dadah sebelum atau ketika memandu.

Dr Ling berkata jenis dadah itu akan ditentukan secara spesifik kelak.

-- BERNAMA

MAM RHM